

Mengemaskini Kanun Tanah

LANGKAH Kerajaan menyemak semula Kanun Tanah Negara seperti yang diumumkan oleh Pemangku Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kelmarin memanglah suatu perkara yang telah lama ditunggu. Termasuk dalam kemungkinan itu ialah memperketat undang-undang Tanah Simpanan Melayu. Sesungguhnya ini merupakan masalah yang amat besar akhir-akhir ini, yang begitu banyak dibincangkan, tetapi masih belum mendapat penyelesaian.

Walaupun menurut peraturannya Tanah Simpanan Melayu itu tidak boleh dipindah milik kepada bukan Melayu, penjualannya yang berleluasa dan jelas melanggar peraturan ini bukanlah lagi suatu rahsia. Ia berlaku di kawasan-kawasan bandar terutamanya Kuala Lumpur, Ipoh, Pulau Pinang dan Johor Baharu. Ia juga berlaku di kawasan yang ditandakan untuk projek pembangunan. Di Johor, umpamanya, 23,375 ekar milik 2,475 orang telah berpindah ke tangan bukan Melayu sejak projek pembangunan Johor Barat yang melibatkan pembinaan jalan, taliair dan benteng pantai dilancarkan tahun 1975. Ini menimbulkan suatu delima kepada Kerajaan sendiri kerana dengan demikian pembangunan yang ditujukan kepada rakyat akhirnya dinikmati oleh golongan yang bukan menjadi sasarannya. Suatu perkara lagi ialah bukan saja tanah itu berpindah ke tangan bukan Melayu, malah kepada rakyat asing.

Kejadian tanah tergedai juga begitu berleluasa sehingga Kerajaan terpaksa meluluskan peruntukan \$30 juta kepada Bank Pertanian Malaysia tahun lalu untuk membantu pemilik menebusnya semula. Tetapi langkah ini ternyata belum mencapai hasil yang diharap. Masih ramai yang terlibat tidak menggunakan kemudahan itu. Ia juga cuma meliputi masalah tanah tergedai, dan kerana itu membiarkan tanah terjual tanpa penyelesaian.

Punca masalah ini, selain kejahilan pemilik mengenai nilai serta masa depan tanah mereka dan kebiasaan bergadai tanah, ialah peruntukan-peruntukan yang longgar dalam Kanun Tanah Negara. Kanun ini berkuatkuasa sejak tahun 1934 lagi. Semenjak itu negara telah jauh lebih maju dan banyak perkembangan baru yang tidak lagi dapat dicakup sepenuhnya oleh Kanun yang ada. Oleh kerana masalahnya tidak saja bersabit dengan Tanah Simpanan Melayu, semakin menyeluruh yang dicadangkan itu amatlah wajar. Tetapi pengkajian itu tidak pula perlu dibuat secara tergesa-gesa walaupun tuntutan untuk menyegerakannya pasti timbul. Bolehnya pelanggaran-pelanggaran dilakukan ke atas peraturan yang ada sekarang menunjukkan beberapa kelemahan di dalamnya. Segala kelemahan itu perlu dicari, dan ia tidak patut wujud lagi dalam Kanun yang telah dikemaskinikan itu nanti.